

NO SOALAN : 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,**

**PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN  
IDRIS  
(JERANTUT)**

**TARIKH : 12.03.18  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang bagi menaik taraf Kem Rejimen 505 Askar Wataniah Jerantut bagi menampung keperluan semasa yang telah meningkat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa memberi penekanan terhadap keutuhan pertahanan dan keselamatan negara. Askar Wataniah (AW) adalah badan sukarela yang berlainan dari badan-badan sukarela yang lain. AW merupakan angkatan Simpanan Tentera Darat Malaysia yang berperanan sebagai benteng kedua dalam mempertahankan negara.

Jumlah kem Askar Wataniah yang telah diwujudkan di Pahang adalah sebanyak empat buah kem. Ianya dibangunkan di atas milik tanah milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan sumbangan Kerajaan Negeri Pahang. Kementerian Pertahanan sentiasa melaksanakan kerja-kerja senggaraan kepada kem Tentera Darat termasuklah di Kem Rejimen 505 AW Jerantut mengikut keutamaan menggunakan peruntukan Belanja Mengurus (OE) bagi memastikan ianya selesa dan selamat untuk diduduki.